



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Kecemerlangan penduduk Madinah dipimpin dan dibentuk Rasulullah SAW serta sahabat seperti dinyatakan dalam al-Quran sebagai umat terbaik yang dilahirkan untuk berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Dalam **Surah al-Baqarah, ayat 143**, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan demikian pula kami menjadikan kamu 'ummatan wasata' agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu."

Pernyataan 'ummatan wasata' bukan hanya bermakna umat pertengahan atau sederhana, tetapi membawa makna seimbang dan cemerlang.

Itulah ciri-ciri umat Islam yang dibangunkan

Rasulullah SAW ketika mentadbir Madinah.

Golongan sahabat itulah yang dapat kita lihat akhir-akhirnya mereka sehinggalah Islam dapat diterima secara mudah oleh masyarakat global.

Ciri-ciri pertengahan yang dimaksudkan adalah di antara dua keadaan yang melampau (ketat) dan tidak cuai (longgar).

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sebaik-baik perkara itu ialah yang paling pertengahan."

Kita dapat melihat bagaimana kesederhanaan kehidupan Rasulullah SAW dalam beberapa aspek.

Tidak terlalu melampau dan tidak pula terlalu mengambil mudah akan sesuatu perkara atau urusan.

Islam adalah agama sederhana dan memrintahkan umatnya bersederhana dalam kehidupan seharian mereka.

Islam secara praktikalnya adalah mudah. Islam menjadi susah apabila umatnya kurang memahami dan tidak mempunyai pengetahuan.

Orang bukan Islam melihat agama Islam melalui penganutnya. Itu yang menyebabkan wujudnya persepsi tidak baik terhadap Islam.

Apabila mereka melihat Islam agama yang susah, sudah tentu mereka berasa takut.

Secara logiknya, tiada manusia mahu kepada kesusahan kerana mereka mempunyai pilihan yang lebih mudah.

Allah SWT berfirman dalam **Surah al-Baqarah, ayat 185** yang bermaksud: "Allah menghendaki untuk kamu kemudahan dan tidak menginginkan kesukaran."

Anas bin Malik RA berkata, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Permudahkanlah, janganlah memberat-beratkan, tenangkanlah janganlah meliarkan."

Apa yang dimaksudkan ayat berkenaan adalah supaya manusia melaksanakan segala perintah Allah dan Rasul dengan bersungguh-sungguh, ikhlas, berhati-hati dan penuh tanggungjawab.

Selain itu, setiap ibadat tidak boleh dilaksanakan secara melampau batas, cuai serta meringan-ringankannya.

Apabila sesuatu ibadat atau perintah Allah dan Rasul dilakukan melampau batas, ia akan memberatkan orang lain manakala meringan-ringannya pula akan mendorong ibadat itu terus ditinggalkan.

Rasulullah SAW dalam melakukan sesuatu ibadat, Baginda akan mengerjakannya secara bersungguh-sungguh serta menya-

maratakan dengan aktiviti hariannya.

Itu bermakna ibadat dan kehidupan seharian Baginda adalah seimbang.

Dalam sebuah hadis, Aisyah berkata: "Apabila Rasulullah diberi pilihan, Baginda akan memilih yang paling mudah daripada kedua-duanya selagi ia tidak berdosa. Jika ia berdosa maka dialah manusia yang paling jauh daripadanya." (Bukhari dan Muslim)

■ **Perkara yang diamalkan dalam kehidupan Rasulullah SAW**

Konsep Wasatiyyah Ummah akan menjadi saksi ke atas umat manusia keseluruhannya bagi menentukan keadilan dan kesaksamaan sejagat.

Ia berupaya meletakkan sistem nilai pada tempat yang sepatutnya. Contohnya, wasatiyyah dari sudut pegangan iaitu tidak melampau dalam urusan ke-

rohanian dan tidak pula melampau dari sudut kebendaan.

Sebaliknya, ia mengikut pertengahan antara tuntutan kerohanian dan tuntutan kebendaan.

Wasatiyyah dari sudut pandangan pula adalah sentiasa berusaha mencari pandangan terbaik.

Hikmah adalah perkara tersembunyi bagi orang yang beriman. Wasatiyyah dari sudut hubungan pula, ia tidak mencairkan jati diri dan tidak pula menyusahkan jemaah. (Syed Qutb dalam Tafsir Fi Zilal Al-Quran, jilid 1, muka-surat 130-131)

Berdasarkan dua pandangan ulama silam dan moden itu, jelas kepada kita makna wasatiyyah iaitu bersederhana dalam semua perkara yang melandasi kehidupan.

**Penulis Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia**